

M'sia hadapi isu alam sekitar jika rakyat terus leka

by Steve Annuar. Posted on November 13, 2011, Sunday

Pencemaran akan menyebabkan perubahan iklim yang menyumbang kepada bencana alam: Chin



JAGA ALAM SEKITAR: Chin menyampaikan hadiah kepada pemenang peraduan mewarna yang disertai murid sekolah rendah sambil ditemani Ismail (kiri), Antonio, Robinette dan Sebastian (kanan) di SMK St Columba semalam.

MIRI: Malaysia tidak akan terlepas daripada dibebani masalah alam sekitar sekiranya masih ramai rakyat tidak prihatin dan peka terhadap alam sekitar.

Antaranya pencemaran udara, air, pembuangan sisa pepejal, toksik dan penebangan hutan secara haram yang boleh menyebabkan ketidakseimbangan alam sekitar.

Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Peter Chin memberitahu, implikasi terhadap alam sekitar amat teruk di mana fenomena perubahan iklim akan menyumbang kepada kejadian-kejadian banjir dan kemarau semakin ekstrem.

“Contoh yang paling ketara yang kita dapat saksikan adalah keadaan banjir di Thailand yang masih belum dapat ditangani oleh kerajaan Thailand. Pemuliharaan kebersihan setempat, kualiti udara dan sumber air merupakan antara cabaran-cabaran alam sekitar yang perlu dihadapi dan ditangani kita semua,” jelasnya.

Chin menambah, dengan perancangan dan pembangunan mapan, kerajaan mahu memastikan pembangunan ekonomi negara dilaksanakan secara positif untuk mencapai pengimbangan antara pembangunan lestari dengan kepentingan alam sekitar.

Beliau berkata demikian semasa merasmikan Program Rakan Alam Sekitar (RAS) dan Program Flagship Sekolah Lestari Anugerah Alam Sekitar Peringkat Parlimen P.219 Miri di SMK St Columba semalam.

Chin yang juga Ahli Parlimen Miri berkata, penubuhan Sektor Teknologi Hijau sebagai satu entiti kementerian beliau mencerminkan ketegasan dan komitmen kerajaan ke arah menyampaikan mesej konsep bersih dan hijau.

Beliau memberitahu, Dasar Teknologi Hijau Negara telah dirangka dengan hasrat untuk menyokong usaha kerajaan dalam menggabungkan elemen-elemen hijau sebagai satu asas dalam Model Ekonomi Baru Negara dan Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10).

“Dasar ini juga selari dengan dasar kebangsaan, di mana objektif pembangunan negara akan terus diimbangi dengan mengambil kira kepentingan alam sekitar,” jelasnya.

Chin menambah, Majlis Teknologi Hijau dan Perubahan Iklim yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri, memastikan objektif pelaksanaan teknologi hijau dan perubahan iklim negara tercapai.

Sementara itu, Majlis Sumber Air Negara (MSAN) yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri menubuhkan Pelan Tindakan Bersama Pengurusan Bekalan Air Negara yang menguruskan sumber air, anggaran permin-taan keperluan air, ramalan keperluan air domestik dan industri, keperluan air bagi pertanian dan hidrologi.

Konsep Sekolah Lestari telah diperkenalkan oleh Jabatan Alam Sekitar dalam Program RAS di setiap kawasan Parlimen.

Bagi kawasan Parlimen Miri, sebanyak empat buah sekolah dipilih iaitu SMK St Columba, SMK Lopeng Tengah, SK Tudan dan SK Lutong yang menerima peruntukan RM5,000.

Menurut Chin, sehingga pertengahan tahunan 2012, pejabat Parlimen Miri dengan kerjasama Majlis Banda-roya Miri (MBM), Jabatan Alam Sekitar Miri, Pejabat Pelajaran Daerah Miri dan Syarikat E-Concern (M) Sdn Bhd akan mengadakan pertandingan pengumpulan e-Waste (bara-ngan elektrik terbuang) melibatkan semua sekolah rendah dan menengah di sini.

“Sekolah yang berjaya mengumpul dan merekodkan jumlah e-Waste tertinggi akan menerima hadiah dan penghargaan daripada pejabat Parlimen saya. Sehubungan itu, saya menyeru semua sekolah di Miri agar terlibat dalam menjayakan program ini,” jelasnya.

Hadir sama, Pengarah JAS Ismail Ithnin, Residen Miri Anthonio Kahti Galis, Setiausaha Politik Datuk Sebastian Ting dan Pengetua Robinette Tiong.

Read more: <http://www.theborneopost.com/2011/11/13>